



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.62/2019

LARANGAN PENGGUNAAN ASET KERAJAAN DAN BERKEMPEN WAKTU PEJABAT SEMASA PILIHAN RAYA

1. Selepas Pilihan Raya Umum ke-14, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengambil pelbagai tindakan untuk menambahbaik proses-proses pilihan raya dan sedang melihat secara menyeluruh reformasi yang boleh dilaksanakan.
2. Adalah menjadi matlamat SPR agar semua penambahbaikan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan nanti dapat menjamin pilihan raya yang telus, bersih dan adil.
3. Dalam konteks tersebut, penambahbaikan terhadap proses-proses perjalanan pilihan raya yang tidak melibatkan pindaan undang-undang telah pun dilaksanakan, manakala yang melibatkan pindaan undang-undang pula, ianya perlu kepada penelitian dan kajian lanjut oleh SPR.
4. Bagi melaksanakan penambahbaikan tersebut, SPR telah melakukan sesi libat urus dengan pelbagai pihak seperti parti-parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), organisasi sosial, agensi-agensi kerajaan dan juga organisasi-organisasi antarabangsa.
5. Merujuk kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, khususnya yang melibatkan penggunaan aset-aset kerajaan dan larangan anggota pentadbiran untuk berkempen semasa waktu pejabat, SPR bersedia untuk berbincang dengan Pakatan Harapan dan mana-mana pihak lain untuk mendapatkan apa-apa pandangan dan maklumbalas untuk menambahbaik proses-proses perjalanan pilihan raya.

6. Tindakan ini adalah selaras dengan proses kerja libat urus dan keterbukaan SPR untuk mendapatkan input dan pandangan daripada semua pihak terutamanya pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam pilihan raya.

7. Fokus utama SPR adalah untuk membentuk satu proses pilihan raya yang adil kepada semua pihak dan ia berjalan dengan telus dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 16 Mei 2019 / 11 Ramadan 1440H